



MAJLIS DAERAH YONG PENG  
KM 1, JALAN LABIS, 83700 YONG PENG, JOHOR  
TEL: 07- 4671276 FAX: 07- 4671712

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
KHAS UNTUK BUMIPUTERA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai Sijil Peolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-

No Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula dan Tutup Dijual	Syarat Pendaftaran
MDYP 21/2023 (MDYP)	Kerja-kerja Pemasangan Peralatan Pejabat Serta Pengubahsuaian di Ibu Pejabat Majlis Daerah Yong Peng.	RM 30.00 15.03.2023 (Rabu) hingga 21.03.2023 (Selasa)	CIDB Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B28
MDYP 22/2023 (MBJ)	Kerja-kerja Menaiktaraf Kawasan Landskap Di Jalan Besar, Yong Peng (FASA 1) Tarikh Iklan : 13.03.02.2023 (Isnin) Tarikh Taklimat : 15.03.2023 (Rabu) Lawatan Tapak & Masa : 10.00 pagi Tempat Berkumpul : Hadapan Dewan Persidangan MDYP  <b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b>	RM 50.00 15.03.2023 (Rabu) hingga 21.03.2023 (Selasa)	CIDB Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE14 & CE21  <b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</b>

2. Dokumen tawaran akan dijual kepada kontraktor yang sah sahaja dengan mengemukakan dokumen asal pendaftaran sebagaimana berikut (tempoh sah laku sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup) :-

- 2.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor ( PPK ) oleh CIDB
- 2.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK ) oleh CIDB
- 2.3 : Lembaga Pembangunan Perindustrian Pembinaan Malaysia ( CIDB )
- 2.4 : Sijil Johor Centre for Construction Development ( JCCD )

3. Dokumen meja dan dokumen sebut harga boleh disemak dan didapati di **Jabatan Kejuruteraan Bangunan Majlis Daerah Yong Peng** dengan bayaran secara **Draf Bank, Wang Pos atau Wang Kiriman Pos Berpalang** di atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng** pada waktu kaunter MDYP sebagaimana berikut :


**Ahad hingga Rabu** : 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari  
2.00 petang hingga 3.30 petang

**Khamis** : 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari  
2.00 petang hingga 2.30 petang

4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan di masukkan ke dalam Peti Tawaran di **Jabatan Kejuruteraan Bangunan, Majlis Daerah Yong Peng, KM. 1 Jalan Labis, 83700 Yong Peng, Johor** sebelum jam **12.00 tengah hari** pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

5. Penyebut harga yang tidak menerima jawapan selepas 3 bulan daripada tarikh tutup dianggap tidak berjaya. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

Sekian, terima kasih.

  
**MOHAMAD NOOR AZAM BIN SULAIMAN**  
Setiausaha  
b/p Yang DiPertua  
Majlis Daerah Yong Peng